NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

FYi

No Permit:PP13200/12/2013(032007)
January 2016:ISSN 1675-5464

Your OSH preferred partners

KENCING TIKUS:

Apa faktor, tanda, rawatan & langkah pencegahan

KENCING TIKUS:

Apa faktor, tanda, rawatan & langkah pencegahan

PENYAKIT KENCING TIKUS atau nama sainsnya **LEPTOSPIROSIS** ialah penyakit berjangkit disebabkan bakteria Leptospira yang disebarkan melalui haiwan. Jika tidak dirawat segera, penyakit ini boleh merebak dan membawa maut. Pada mulanya, bakteria ini dikenal pasti datangnya dari tikus. Namun kini, banyak jenis haiwan boleh menjadi perumah bakteria ini, sama ada liar atau peliharaan. Haiwan dijangkiti ada kalanya menunjukkan tanda sakit, tetapi sekadar menjadi pembawa dan tidak memindahkan jangkitan. Secara umumnya bakteria Leptospira boleh menjangkiti anjing, tikus dan haiwan liar lain seperti rakun dan serigala.



How do humans get infected?

1. contact with urine (or other body fluids, except saliva) from infected animals

2. contact with water, soil, or food contaminated with urine of infected animals

How do I prevent leptospirosis?

1. Do not swim or wade in water that might be contaminated with animal urine.

2. Do not come into contact with potentially-infected animals

3. Wear protective clothes and equipment

4. Disinfect contaminated surfaces

5. Take the antibiotic prophylaxis (for exposed persons in high risk areas)

What are the possible complications of leptospirosis?



What if I'm infected?
If you or a loved one exhibits symptoms of leptospirosis, consult a doctor immediately.

How long is the recovery time?
The illness may last from a few days to 3 weeks or longer. When left untreated, it may take several months.

Faktor risiko:

- Melakukan pekerjaan yang terdedah kepada panas – Petani, penternak/peladang, pekerja rumah penyembelihan, doktor haiwan, pemotong kayu, pekerja sistem pembetungan, pesawah dan anggota tentera.
- Aktiviti rekreasi dalam air seperti berenang, berkayak dan berbasikal di laluan denai di kawasan panas.
- Terdedah kepada peralatan di rumah termasuk, binatang peliharaan seperti anjing, binatang peliharaan untuk disembelih, ruang perangkap air dan mengambil makanan yang telah digigit oleh binatang seperti tikus, tupai dan arnab.
- Terdedah di tempat yang banjir di mana air kencing tikus tercemar di dalamnya, apabila terkena kulit yang luka, masuk dalam mata, hidung atau mulut(terminum) virus akan menjangkiti.

Tanda/Gejala:

- Masa pengeraman di antara 2 hingga 26 hari (anggaran 10 hari).
- Bermula dengan demam, menggigil, sakit anggota tubuh dan sakit kepala.
- Batuk tidak berkahak
- Loya, muntah dan cirit-birit, sakit sendi, sakit tulang, sakit tekak dan sakit perut.
- Radang selaput mata.
- Pesakit mungkin mengalami sakit otot, pembesaran limpa atau hati, bengkak salur kelenjar, sakit tekak, kekerasan otot, perubahan bunyi pada peparu atau ruam.

Rawatan:

Ubatan Cephalosporim, Penicillins, doxycycline, chloramphenicol, dan erythromycin boleh diberi untuk rawatan leptospirosis. Penjagaan sokongan diperlukan bagi kes yang rumit dan bermasalah.

Pencegahan:

- Elakkan berkunjung ke kawasan yang ada air bertakung.
- Jika terdedah dan berisiko, pengambilan ubat doxycycline boleh mengurangkan risiko mendapat penyakit. Nasihat penulis jika anda terkena simptom virus ini, sila ke hospital dengan segera.
- Simpan makanan atau minuman dengan baik agar tidak dicemari.
- Cuci tangan dengan sabun sebelum makan.
- Bersihkan diri selepas melakukan aktiviti luar seperti berkebun dan apa jua aktiviti yang terbuka.
- Untuk majikan pula mereka harus memberi perlindungan kepada pekerja mereka yang mempunyai risiko yang tinggi dijangkiti seperti memberi sarung tangan dan sebagainya.
- Menjaga kebersihan sekeliling,sediakan tempat membuang sampah yang bertutup, bersihkan tempat bekas air dan kolam renang, pastikan tiada tikus di kawasan sekeliling terutama rumah anda,membuat semburan disinfeksi tempat yang telah dicemari.

Sumber: http://www.wanista.com/kencing-tikus-apa-faktor-tanda-rawatan-langkah-pencegahan/

LAWATAN DELEGASI DARI SUDAN

Pada 29 Januari 2016, NIOSH telah menerima kunjungan lawatan delegasi daripada Sudan. Delegasi ini disambut oleh beberapa pengurusan tertinggi NIOSH. Delegasi telah diberikan taklimat ringkas berkaitan peranan dan tanggungjawab NIOSH sebagai sebuah badan yang menjalankan aktiviti penyebaran maklumat bagi aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Lawatan rasmi ini adalah salah satu program sesi lawatan ke Malaysia yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia. Delegasi ini dibawa bagi meninjau dan melihat secara dekat aktiviti yang dijalankan oleh NIOSH. Selesai taklimat, barisan delegasi telah dibawa melawat ke Pusat Simulasi Ruang Terkurung, Makmal Higen Industri dan Perpustakaan. Diharap dengan lawatan yang singkat ini, NIOSH akan dapat menjalinkan hubungan kerjasama dengan negara-negara luar di dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

LAWATAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSU)

Tanggal 18 Januari 2016, YBhg Dato' Sri Adenan Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia Malaysia telah membuat lawatan rasmi ke Ibu Pejabat NIOSH. Ketibaan YBhg Dato' Sri Ketua Setiausaha disambut oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Tuan Haji Zahrim Bin Osman, Setiausaha Eksekutif NIOSH, Encik Ayop Salleh, Pengurus Besar Operasi NIOSH, Encik Fadzil Osman, Pengurus Kanan serta Pengurus-pengurus Bahagian NIOSH.

YBhg Dato' Sri Ketua Setiausaha telah diberi taklimat mengenai peranan dan fungsi NIOSH serta dibawa melawat ke Pusat Pameran NIOSH, Pusat Simulasi Ruang Terkurung, Makmal Higen Industri serta fasiliti yang lain. Objektif utama lawatan rasmi ini adalah bagi memperkenalkan fungsi dan peranan NIOSH kepada YBhg Dato' Sri Ketua Setiausaha berikutan daripada pelantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

Haji Zahrim Bin Osman juga memberikan ucapan ringkas kepada YBhg Dato' Sri Adenan Ab Rahman dan berharap agar hubungan dan kerjasama yang terjalin antara NIOSH dan Kementerian Sumber Manusia dapat diteruskan di masa hadapan. YBhg Dato' Sri Adenan Ab Rahman juga memberikan ucapan dan berharap agar usaha sama ini membantu pihak Kerajaan melatih lebih ramai tenaga pakar dan mahir menjelang tahun 2020.

Dasar keselamatan pembinaan

Kuala Lumpur: Sudah tiba masanya kontraktor yang ingin membuat tawaran bagi mana-mana kontrak pembinaan diwajibkan menyediakan kenyataan dasar mengenai keselamatan pembinaan.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, kenyataan dasar itu juga harus mengandungi sistem mengenal pasti bahaya, penilaian dan kawalan risiko, serta maklumat mengenai pengalaman dan latihan keselamatan yang diberikan kepada pekerja.

"Walaupun kerajaan menggubal undang-undang dan menguatkuasakannya, tanggungjawab untuk melaksanakan sistem keselamatan di tapak pembinaan terletak di bahu kontraktor dan subkontraktor.

"Oleh tu, kontraktor atau subkontraktor hendaklah bertanggungjawab dan komited terhadap kerja yang berkualiti memenuhi standard dan amalan keselamatan," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

> "Kontraktor atau subkontraktor hendaklah memenuhi standard dan amalan keselamatan"
> *Lee Lam Thye*

Lee berkata demikian bagi mengulas insiden kren tumbang di Jalan Damansara, Kampung Bukit Lanjan, di sini, kelmarin.

Kren tumbang ketika kerja pembinaan tiang jejambat menghubungkan LDP dengan pusat komersial itu, menyebabkan seorang pekerja pembinaan warga China maut dan empat lagi cedera.

Justeru, katanya, kontraktor perlu sedar kesan buruk melanggar garis panduan keselamatan.

"Kemalangan dan kehilangan nyawa boleh dielakkan atau dikurangkan jika kita menjadikan amalan kerja berhemah dan berhati-hati sebagai sebahagian daripada budaya kita," katanya.

Lee berkata, pembabitan setiap orang untuk membendung kemalangan adalah penting jika mahu membudayakan keselamatan di dalam sektor pembinaan yang secara umumnya dianggap sebagai industri yang berisiko tinggi.

"Pekerja asing adalah satu komponen modal insan penting dalam sektor pembinaan memandangkan kekurangan tenaga kerja tempatan di negara ini, mereka harus diberi latihan, kesedaran dan maklumat mengenai amalan keselamatan di tapak binaan," katanya.

DASAR KESELAMATAN PEMBINAAN
Publication: Harian Metro
Date of Publication: 14 January 2016
Page number: 41

Lam Thye: 3-month moratorium in best interest of everyone

KUALA LUMPUR: The National Institute for Occupational Safety and Health has welcomed the decision by the Federal Government to ban bauxite mining in Pahang for three months, saying it is in the best interest of the environment, public health and safety.

Its chairman, Tan Sri Lee Lam Thye, said action should have been taken earlier, but it was better late than never.

"The authorities must monitor and supervise the clean-up during the suspension."

He said measures must be taken to ensure that all conditions were met and works implemented were done according to the directives.

He said the authorities should ensure that there was a separate route to transport bauxite ores and that roads used by the public and residents nearby should not be used.

Lee urged the Malaysian Anti-Corruption Commission to expedite its investigations into corruption and take action against those involved in graft and abuse of power in bauxite operations.

"Pahang not only loses out in term of pollution, which affects the fisheries industry and people's health, but the state government is also shortchanged as it reportedly receives only 20 per cent of revenue from bauxite export levies that go through Kuantan Port.

Tan Sri Lee Lam Thye

"Firm decisions are needed to deal with these issues as uncontrolled mining by illegal operators will have serious repercussions on future generations and the ecosystem," he said yesterday.

In the future, Lee said, bauxite mining must be regulated and monitored to safeguard people's health and ensure environmental sustainability.

He added if the three-month moratorium was not sufficient to implement measures announced by the government, the time period should be extended until clean-up operations were completed.

LAM THYE: 3-MONTH MORATORIUM IN BEST INTEREST OF EVERYONE
Publication: News Straits Times
Date of Publication: 08 January 2016
Page number: 6

Start safety and health education in childhood

AS our nation enters a very challenging new year with economic uncertainties, the National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH) advises employers at all workplaces not to introduce or implement cost-cutting measures at the expense of the safety and health of their employees.

On the contrary, companies and employers must continue to regard occupational safety and health as part of their corporate responsibility. This is because if accidents occur, lives may be lost and productivity will be affected.

And when accidents occur at work, the employers will endure greater losses in terms of work stoppage, medical payment, compensation, etc.

Safety training and education for employees is the key to achieving a successful safety programme, and management must be committed to investing in safety at all times.

Many years of experience in the working environment have shown that if training in the prevention of occupational risks begins only at the adult stage of life, it can give rise to problems like attitude and habitual behaviour towards risks.

Consequently, safety and health education needs to begin during childhood and to be continued throughout schooling to build safety awareness and evolve a safety culture among Malaysians.

In this connection, NIOSH has introduced the "OSH in School" programme to inculcate OSH awareness in schools and help prepare students for their future work environment.

TAN SRI LEE LAM THYE
NIOSH Chairman

START SAFETY AND HEALTH EDUCATION IN CHILDHOOD
Publication: The Star
Date of Publication: 18 January 2016
Page number: 28R

Warga Nepal maut tersepit mesin proses baja

ANGGOTA bomba mengeluarkan mayat warga Nepal yang tersepit di dalam sebuah mesin memproses baja najis ayam di sebuah kilang di Mukim Air Putih, Paya Temusu, Pendang semalam.

ALOR SETAR – Seorang pekerja asing warga Nepal maut selepas tersepit di dalam sebuah mesin memproses baja najis ayam di sebuah kilang di Mukim Air Putih, Paya Temusu, Pendang di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9.30 pagi itu, mangsa, Chapagai Bikash, sekitar 30-an meninggal dunia akibat kecederaan parah pada muka, dada dan kaki kanan.

Ketua Polis Daerah Pendang Deputi Superintendent Mohd. Fadzil Hashim, ketika kejadian mangsa yang merupakan pemandu jentolak bekerja bersendirian di kawasan tersebut.

"Kejadian yang menimpa mangsa hanya disedari salah seorang pekerja kilang sebelum memaklumkan kepada pihak pengurusan.

"Siasatan awal mendapati, mangsa mengalami kecederaan parah akibat tersepit dan meninggal dunia di tempat kejadian," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tambah Mohd. Fadzil, sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Guar Chempedak telah dikejarkan ke lokasi kejadian untuk mengeluarkan mayat mangsa.

"Mayat mangsa kemudiannya telah dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah di sini untuk dibedah siasat.

"Siasatan turut mendapati, tiada unsur khianat atau jenayah berhubung kematian mangsa dan kes disiasat sebagai mati mengejut," ujarnya.

WARGA NEPAL MAUT TERSEPIT MESIN PROSES BAJA
Publication: Kosmo
Date of Publication: 01 January 2016
Page number: 8

'Workplace safety should include the commute'

KOTA KINABALU: Employers should place more emphasis on improving the safety and health of its employees, especially when they commute to and from their workplaces, says the National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH) chairman Tan Sri Lee Lam Thye.

"While the cases of accidents at workplaces have seen a reduction over the last 10 years, commuting mishaps have increased.

"According to statistics by Socso, the number of commuting accidents have increased from 22,036 cases to 23,831 last year.

"Employers need to work with us as well as other related bodies to look into this matter to prevent losses due to accidents," he added.

With the global economy facing uncertainties, Lee said it was expected that most establishments and businesses would find ways to cut costs.

"But, I hope they will not cut down on the safety and health of employees, as when an incident happens, the losses incurred would surely cost more than what they are trying to save," he said after launching the new Kota Kinabalu NIOSH office here yesterday.

Lee also said NIOSH will pay more attention on improving the safety and health standards in the construction, heavy machinery and plantation industries as these industries have contributed to a high number of workplace accidents.

He said there was still room for improvement in terms of the level of compliance on occupational safety and health in the country.

In his welcoming speech, Sabah NIOSH director Zahari Hitam said the authorities are monitoring the working conditions at the Sabah Forest Industries (SFI) for allegedly neglecting safety features and causing deaths of workers at its site.

"We have brought three cases to court and we are waiting for decisions on them," he added.

Zahari said safety and health personnel are also being sent to the SFI worksite in Sipitang, some 140km from here, on a scheduled basis to ensure a safe working environment for its staff.

SFI was fined RM100,000 last year for discharging effluent into the water system at its premises in Sipitang.

It was also accused of failing to ensure the safety, health and welfare of its workers, which had resulted in a worker's death.

'WORKPLACE SAFETY SHOULD INCLUDE THE COMMUTE'
Publication: The Star
Date of Publication: 15 January 2016
Page number: 23N

Terhidu gas beracun

■ Pekerja pembersihan lemas terjatuh dalam tangki najis

Oleh Puad Nadhirata Yaacob
hadirnata@hmetro.com.my
Klang

Seorang lelaki warga Kemboja maut selepas terjatuh ke dalam tangki najis rumah kelab di Jalan Tengku Kelana, Taman Sri Intana, di sini, petang semalam.

Sebelum itu, Mohamath Sothyen, 53, bersama rakannya lalita lelaki warga tempatan melakukan kerja pembersihan di dalam tangki berkenaan.

Bagaimanapun ketika melakukan kerja pembersihan itu, Mohamath dipercayai terhidu sejenis bau menyebabkannya pengsan sebelum terjatuh ke dalam tangki yang mempunyai kedalaman satu meter.

Pengarah Operasi Bomba Selangor, Mohd Sani Harul berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 3.14 petang dan sepasukan lima anggota dikerahkan Komander Operasi Pegawai Bomba Kanan II Abdul Shokry Mohammad Noor bergegas ke lokasi kejadian.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati mangsa berada di dalam tangki najis itu dan pihaknya mengambil masa lima minit untuk mengeluarkannya.

"Sebelum kejadian rakan mangsa berada di atas manakala mangsa masuk ke dalam tangki najis itu.

"Mangsa dipercayai terhidu gas yang menyebabkan dia tidak sedarkan diri sebelum terjatuh ke dalam tangki yang mempunyai kedalaman satu meter," katanya.

Menurutnya, mangsa disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan yang tiba tidak lama kemudian.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang untuk tindakan lanjut," katanya.

MOHAMATH

FAKTA
Mangsa pengsan selepas terhidu gas sebelum jatuh ke dalam tangki najis

ANGGOTA bomba memerikksa mayat mangsa selepas dikejut keluar dari tangki.

TERHIDU GAS BERACUN
Publication: Harian Metro
Date of Publication: 11 January 2016
Page number: 4

Melayang tingkat 11

■ Buruh nyaris maut jatuh bangunan dalam pembinaan

Oleh Ra'ainah Mohamed
hmetrosahabat@hmetro.com.my
Shah Alam

Seorang buruh binaan nyaris maut selepas tergelincir ketika bekerja di tingkat 11 sebuah bangunan dalam pembinaan di Bukit Jelutong di sini, semalam.

Dalam kejadian kira kira jam 9 pagi itu, mangsa yang hanya dikenali sebagai Waginan, 47, cedera parah selepas terjatuh ke tingkat lima bangunan berkenaan.

Difahamkan, mangsa yang juga warga Indonesia itu dikatakan berada di bahagian tepi tingkat 11 bangunan berkenaan untuk memasang perata tanah kesekurangan apabila itu dia tergelincir.

Pemolong Pengarah Operasi Bomba Selangor Mohd Sani Harul berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 9.20 pagi memberitahu kemalangan seorang lelaki terjatuh dan memerlukan khidmat bomba untuk dikeluarkan dari tingkat lima bangunan yang belum siap itu.

"Sebaik menerima panggilan, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Angkasa dan Penyelamat Kuala Lumpur, Muhammad Firdaus Khan Azmi Khan bersama pihaknya menerima panggilan jam 4.30 dan sepasukan anggota dari Balai Bomba Penyelamat (BBP) dari Taman Tun (BBP) Sri Hartamas dan (BBP) Hang Tuah dihantar ke lokasi kejadian.

"Empat mangsa dikenal pasti cedera. Seorang mangsa, Li Yi Jia, 50, maut akibat terempit pada lengannya berat.

"Tiga lagi pekerja warga China, Myanmar dan seorang warga tempatan cedera dan dihantar ke hospital," katanya.

Menurutnya, ketika kejadian tiga pekerja berada di atas besi lengkap dan melakukan kerja pembinaan manakala seorang lagi pemandu kren.

"Akibat kejadian itu dua mangsa tercampak ke bawah dan terjatuh pada besi lengkap," katanya.

Dia berkata, mayat mangsa dihantar ke Hospital Pusat Pendidikan Universiti Malaya (PPUM).

FAKTA
Mangsa di tingkat 11 memasang perata tanah kesekurangan apabila itu dia tergelincir

MELAYANG TINGKAT 11
Publication: Harian Metro
Date of Publication: 7 January 2016
Page number: 2

Meronta sambil tergantung

■ Seorang pekerja maut, 3 cedera selepas tercampak akibat kren tumbang

Oleh Nadirawn Shah Mat Salim
ang@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

"Saya sempat lihat mangsa yang terjatuh itu masih hidup ketika cuba selamat mati selepas kren setinggi lebih 20 kaki itu tumbang," kata pemuda yang menyaksikan kejadian kren tumbang di Jalan Damansara, Kampung Bukit Lanjan, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 4.40 petang, kren yang digunakan di tapak pembinaan pusat hub farlah tumbang tiba tiba akibat tiang tumbangan.

"Kejadian itu menyebabkan seorang pekerja binaan mati manakala tiga yang lain sedang dalam tercampak dan dilempar bersangka kren itu.

Pemuda tersebut, Mohd Adnan Rahmat, 37, berkata, dia sempat mendengar bunyi seakan akan letupan dimana gegaran kuat di lokasi itu.

"Kejadian berlaku sebelum mata dan semua mangsa tercampak apabila kren tumbang.

"Ketika ini saya mengambil peralatan dari pekerjaan dan tercampak tanpa belakang kren terbalik tersangkut. Ada yang tercampak dan ada mangsa tergantung di atas kren," katanya.

Sementara itu, Komander Operasi Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Muhammad Firdaus Khan Azmi Khan bertkata, pihaknya menerima panggilan jam 4.50 dan sepasukan anggota dari Balai Bomba Penyelamat (BBP) dari Taman Tun (BBP) Sri Hartamas dan (BBP) Hang Tuah dihantar ke lokasi kejadian.

"Empat mangsa dikenal pasti cedera. Seorang mangsa, Li Yi Jia, 50, maut akibat terempit pada lengannya berat.

"Tiga lagi pekerja warga China, Myanmar dan seorang warga tempatan cedera dan dihantar ke hospital," katanya.

Menurutnya, ketika kejadian tiga pekerja berada di atas besi lengkap dan melakukan kerja pembinaan manakala seorang lagi pemandu kren.

"Akibat kejadian itu dua mangsa tercampak ke bawah dan terjatuh pada besi lengkap," katanya.

Dia berkata, mayat mangsa dihantar ke Hospital Pusat Pendidikan Universiti Malaya (PPUM).

KIRIN yang terbalik berhampiran tapak pembinaan akibat tiang tumbangan.

MERONTA SAMBIL TERGANTUNG
Publication: Harian Metro
Date of Publication: 13 January 2016
Page number: 7

BAUXITE DANGER

Regulate and control mining activities

I WOULD like to commend the *New Straits Times* for highlighting the adverse effects of uncontrolled bauxite-mining activities and relentlessly pursuing the matter. This is a grave concern and, if left unchecked, could have long-term, disastrous consequences.

The decision by the cabinet to issue a stop-work order on bauxite mining in Pahang due to environmental and health concerns is very much welcome as the situation has aggravated. Last Tuesday, the sea off Kuantan turned red as heavy rain washed bauxite residue from a stockpile near Kuantan Port, as well as from the mines up in the hills into the nearby river which flows to the sea.

There is also another immediate critical issue to be taken care of by the state authorities during the rainy season: bauxite residue can clog the drains and cause bauxite landslide or floods.

While bauxite mining ought to be allowed in the country due to high demand for the substance, which is commonly used in aluminium metal production, mining activities should be regulated and controlled.

This is to safeguard the environment, public health and safety.

The adverse impacts of uncontrolled and unregulated bauxite-mining activities have been emphasised by the media, scientists and environmental experts. Road safety is another concern as there have been accidents, some of which were fatal, involving speeding lorries transporting bauxite.

The relevant authorities in the state should weed out illegal bauxite-mining operators, make sure licensed operators use the designated roads to transport raw material and put in place regulations, guidelines, licensing as well as environmental and health protection measures.

The state should take into account the findings and recommended plan of action by environmental group Responsible Citizens of Malaysia and Conscientious Professional and Scientists.

The direct impact on workers in the bauxite industry should also be considered. Are these workers trained to practice safe work procedures when carrying out their tasks?

■ TAN SRI LEE LAM THYE,
chairman, National Institute of Occupational Safety and Health

REGULATE AND CONTROL MINING ACTIVITIES
Publication: News Straits Times
Date of Publication: 4 January 2016
Page number: 18

KEMALANGAN

Utama aspek keselamatan dari peringkat tender projek

Kemalangan membabitkan kren di tapak binaan kerap berlaku di negara ini, walaupun amalan keselamatan pekerjaan sentiasa ditekankan dalam sektor pembinaan. Insiden ini nampaknya tiada kesudahan dan bilakah agaknya kemalangan seperti ini akan berhenti daripada berlaku?

Insiden terbaru berlaku Selasa lalu di mana seorang pekerja pembinaan warga China maut dan empat lagi cedera dalam kejadian kren tumbang ketika kerja pembinaan tiang jejambat menghubungkan LDP dengan pusat komersial yang sedang dibina di Jalan Damansara, Kampung Bukit Lanjan di Kuala Lumpur.

Laporan awal Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur menyatakan, punca kemalangan apabila kren yang sedang beroperasi melebihi muatan dan mengakibatkannya tidak stabil dan tumbang.

Insiden ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang terbabit tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap aspek keselamatan.

Kita baru saja berada di minggu kedua tahun baharu dan sudah ada kemalangan maut dalam sektor pembinaan. Kemalangan di tapak pembinaan harus diberi perhatian serius semua pihak terutama yang terbabit secara langsung dalam sektor berkenaan memandangkan banyak kerja pembinaan sedang dijalankan di negara ini sama ada projek perumahan, bangunan komersial atau projek infrastruktur.

Pembabitan setiap orang untuk membendung kemalangan adalah penting jika kita mahu membudayakan keselamatan di dalam sektor pembinaan yang secara umumnya dianggap sebagai industri berisiko tinggi.

Pekerja asing adalah satu komponen modal insan yang penting dalam sektor pembinaan memandangkan kekurangan tenaga kerja tempatan di negara ini dan mereka harus diberi latihan, kesedaran dan maklumat mengenai amalan keselamatan di tapak pembinaan.

Pengurusan keselamatan

Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu diamalkan di semua peringkat industri pembinaan daripada pengurusan tertinggi hingga ke buruh di tapak binaan. Pemaju bertanggungjawab memilih kontraktor yang berwibawa dan yang mementingkan keselamatan.

Untuk mengelak kejadian tidak diingini di tapak pembinaan, isu keselamatan perlu diberi keutamaan sewaktu projek dalam peringkat pembangunan konsep lagi. Sewaktu di peringkat tender pula, faktor keselamatan dan kesihatan tidak harus dikorbankan ketika memilih pembida yang menawarkan harga paling rendah.

Sudah tiba masanya bagi kontraktor yang ingin membuat tawaran bagi mana-mana kontrak pembinaan dimestikan menyediakan kenyataan dasar mengenai keselamatan, sistem mengenal pasti bahaya, penilaian dan kawalan risiko, serta maklumat mengenai pengalaman dan latihan keselamatan yang diberikan kepada pekerja mereka.

Walaupun kerajaan menggubal undang-undang dan menguatkuasakannya, tanggungjawab melaksanakan sistem keselamatan di tapak pembinaan terletak di bahu kontraktor dan subkontraktor. Oleh tu, kontraktor atau subkontraktor hendaklah bertanggungjawab dan komited terhadap kerja yang berkualiti serta standard dan amalan keselamatan.

Hanya pentingkan untung

Mereka yang terbabit dalam industri pembinaan perlu sedar akibat buruk daripada melanggar garis panduan keselamatan dan mengambil jalan pintas untuk kurangkan kos, menghasilkan reka bentuk yang tidak elok, kerja tangan yang kurang bermutu dan penyeliaan yang tidak mencukupi.

Kemalangan dan kehilangan nyawa boleh dielak atau dikurangkan jika kita menjadikan amalan kerja berhemat dan berhati-hati sebagai sebahagian daripada budaya kita.

Setiap orang terdedah dan berkemungkinan untuk terbabit dalam kemalangan. Hakikat ini mesti diingat setiap orang di setiap tempat kerja, jadi tidak akan ada tolak ansur terhadap kecuaian dan keselamatan.

Tan Sri Lee Lam Thye,
Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

Buruh maut tersepit kren tumbang

Kuala Lumpur: Seorang buruh binaan maut selepas tersepit di antara pengbadang besi dan kren yang tumbang di kawasan pembinaan jejambat dekat Jalan Damansara, di sini, semalam.

Kejadian kira-kira jam 4 petang yang turut menyebabkan empat pekerja lain cedera, dipercayai berlaku apabila kren yang sedang mengangkat pengbadang besi tiba-tiba tumbang menyebabkan mangsa yang juga warga China yang berada di situ tersepit.

Pemolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 4.30 petang sebelum 25 anggota bersama dua jentera dihantar ke lokasi kejadian.

Sukar keluarkan mangsa

"Ketika tiba di lokasi, mangsa dikenali sebagai Lee Yik Chia, 50, didapat tersepit di antara pengbadang besi dan kren pada ketinggian kira-kira lima meter.

"Bomba sukar mengeluarkan mayat mangsa berikutan keadaannya yang tersepit dan mayat hanya berjaya diturunkan kira-kira dua jam selepas itu dengan bantuan kren pihak pemaju," katanya.

Empat pekerja cedera

Azizan berkata, empat pekerja lain yang cedera dalam kejadian berkenaan, membabitkan dua warga China dan masing-masing seorang rakyat tempatan yang juga pengendali kren serta warga Myanmar.

"Mayat mangsa dan pekerja yang cedera dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk rawatan dan bedah siasat. Punca kejadian masih dalam siasatan," katanya.

FAKTA NOMBOR
2 jam
tarumkan mayat mangsa

Anggota Bomba dan Penyelamat mengangkat mayat mangsa yang tersepit kren tumbang di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO BERNAMA)

Keratan akhbar BH yang melaporkan mengenai ***kren tumbang di Kuala Lumpur,*** *baru-baru ini.*

UTAMA ASPEK KESELAMATAN DARI PERINGKAT TENDER PROJEK
Publication: Berita Harian
Date of Publication: 15 January 2016
Page number: 32

Disclaimer

©Copyright 2016. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.

INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8769 2100 Fax: 03-8926 5655
www.niosh.com.my